

# Asri diingatkan jangan terkejut jika kalah di Nilam Puri

**KOTA BHARU, Khamis** — Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Nilam Puri mengingatkan Presiden PAS, Datuk Haji Mohamad Asri Muda jangan terkejut jika menerima kekalahan dalam perebutan kerusi Parlimen akan negeri kawasan itu dalam pilihanraya akan datang.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO bahagian itu, Ustaz Mohamad bin Jusoh berkata, "Pemuda UMNO Nilam Puri mengalu-alukan Datuk Haji Asri bertanding di kawasan ini tetapi jangan terkejut jika menerima kekalahan."

"Golongan pemuda dalam PAS telah merasa pahit maung ketika Datuk Haji Asri mewakili kawasan ini sebelum pilihanraya 1978 dan ramai dari mereka berpaling tadah kepada UMNO, ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas ura-ura Presiden PAS itu akan bertanding semula di kawasan Nilam Puri dalam pilihanraya akan datang.

Katanya lagi, Pemuda UMNO Bahagian itu telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk menghadang pilihanraya bagi menggerakkan segala jentera menentang cabaran PAS.

Katanya, beberapa ceramah akan diorganisasikan segera untuk membersihkan dakwaan-dakwaan PAS di kalangan pengundi di kawasan itu supaya mereka tidak mudah ditipu.

Ustaz Mohamad berkata, Pemuda UMNO Nilam Puri bersedia dalam keadaan siap sedia untuk menghadang pilihanraya bila-bila masa.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia